

## Keyakinan terhadap Mistik Jawa dan Kepimpinan Politik Menurut: Kajian terhadap Ketua-ketua Kampung di Kecamatan Batanghari, Kabupaten Lampung Timur, Provinsi Lampung, Indonesia

Confidence towards Javanese Mystical and Menurut Political Leadership: Study on Village Leaders in Kecamatan Batanghari, East Kabupaten Lampung, Lampung Province, Indonesia

EKO MARISTIYAWAN, MUHAMMAD HARYA RAMDHONI, NIDZAM SULAIMAN & HERTANTO

### ABSTRAK

*Para ketua kampung yang terbabit dalam kajian ini mempunyai perbezaan titik tekan mengenai bagaimana sesebuah kepimpinan politik dilihat daripada sudut pandang mistik Jawa. Walaupun begitu, mereka tetap menggunakan prinsip seperti kepimpinan mesti bersifat jujur (Siti); membahagiakan rakyat yang dipimpin (Condro). Selain itu seorang pemimpin masyarakat Jawa yang berpegang teguh pada metafizik "kejawen" mesti mampu menunjukkan autoriti rasmi yang tegas (Akoso) dalam mengkonsolidasikan potensi bersama dan memerintah secara berwibawa (Gegana). Pemimpin tersebut juga mesti sanggup memberikan semangat (Suryo) kepada rakyatnya dan memberikan impak bermanfaat kepada pengikutnya (Samirono); bijak dalam memberi arahan (Kertiko) dan memiliki elan visioner (Samudro).*

*Kata kunci: Mistisisme, Jawa, kejawen, ketua kampung, kepimpinan politik.*

### ABSTRACT

*Head of villages that were involved in this study have different Javanese mystical foregrounds in their political leadership. However they still maintain principles of Javanese political leadership such as Siti (honest) and Condro (love and happiness towards people). Moreover, Javanese leaders have to exercise Kejawen (Javanese mysticism); Akoso (absolute authority) to consolidate potential collective; and to govern prominently (Gegana). The leaders are also required to support their own community (Suryo); being useful to others (Samirono); being wise in making decisions (Kertiko); and having spirit of visionary (Samudro).*

*Keyword: Mysticism, Java, kejawenism, heads of village, political leadership.*

## PENDAHULUAN

Suku Bangsa Jawa merupakan salah satu etnik terbesar di rantau Asia Tenggara dengan majoriti penduduk beragama Islam (Mulder 2005:15). Etnik tersebut merupakan domain objek kultural dalam artikel ini. Kajian ini mahu memberi tumpuan kepada sistem kepercayaan di mana masyarakat Jawa memiliki sikap yang amat sinkretik dalam interaksi budaya dan kehidupan sehari-hari. Hal ini sepertimana tertulis di dalam *Babad Tanah Jawi* (1980) bahawa manusia Jawa memiliki sejarah yang kompleks iaitu kacukan antara tradisi Hindu-Buddha dan Islam. Realiti tersebut melahirkan karakter unik manusia Jawa yang dikenali sebagai Kejawen.

Istilah kejawen meliputi segala hal yang berhubung-kait dengan Jawa. Kejawen merupakan pandangan hidup orang Jawa yang melakukan kehidupan berasaskan moraliti atau etika serta religi yang tercermin di dalam hubungan antara manusia

dan Tuhan; hubungan manusia dengan manusia lainnya; dan hubungan manusia dengan alam (Soesilo 2005: vii-viii). Oleh itu cara berpakaian, upacara kelahiran, upacara perkahwinan, kematian atau apa-apa sahaja dalam masyarakat Jawa merupakan bahagian tidak terpisah daripada sistem kejawen. Artikel ini dihadkan pada salah satu unsur dalam kejawen iaitu mistik Jawa.

Mistik Jawa merupakan hasil sinkretisme pelbagai inti pati ajaran agama dan tradisi komunal yang wujud di Jawa sejak ribuan tahun silam. Ianya memiliki banyak unsur di antaranya iaitu kepimpinan dalam politik di mana hakikat politik dalam budaya Jawa adalah kekuasaan (Endraswara 2003: 232). Tafsiran politik pula pada akhirnya tidak hanya pada aras infrastruktur mahupun suprastruktur politik sahaja, namun juga hingga termasuk pada aras kampung. Ianya berhampiran dengan akar umbi masyarakat tempatan sebagai basis kewujudan kejawen, yakni ketua kampung.

Dalam sesebuah pemerintahan peringkat kampung, ketua kampung adalah simbolisasi pemberian amanah oleh masyarakat kepada individu terbaik yang mereka nilai mampu memimpin, menaungi, dan melindungi masyarakat secara cekap dan telus. Dapat dipastikan pula bahawa pilihan tersebut telah melewati pelbagai proses penilaian yang berasaskan pada banyak aspek. Salah satunya ialah aspek religiusitas iaitu mistik Jawa. Hal itu sama ada berupa amalan ritual tertentu mahupun berupa penilaian dengan dasar fatsun/falsafah/etika moral Jawa.

Ketua kampung merupakan jawatan politik di peringkat paling bawah dalam sistem Negara Kesatuan Republik Indonesia (NKRI). Kewujudan mereka dalam jalur politik disebabkan status mereka sebagai bukan kakitangan kerajaan melalui jalur rasmi birokrasi. Kepentingan jawatan ketua kampung dalam struktur pemerintahan di Indonesia agaknya tidak ada ilmuwan sosial yang pernah membantahnya. Ketua kampung adalah semacam “raja kecil” di daerahnya. Dengan adanya sebutan “raja” muncul anggapan bahawa seseorang ketua kampung memiliki kekuasaan yang besar di wilayahnya (Koentjaraningrat 1984:198).

Soetardjo Kartohadikoesoemo (1965) menghuraikan bahawa ketua kampung adalah pemimpin dan pemilik kuasa rasmi tertinggi di dalam masyarakat sebuah kampung. Mereka memegang kuasa ekonomi, politik dan sosial yang menentukan dan mesti bertanggungjawab sepenuhnya dalam memimpin kampung sebagai hujung tombak kerajaan pusat. Oleh kerana itu, bagi masyarakatnya ketua kampung ialah bukan semata-mata hanya sebagai pemimpin rasmi tertinggi namun juga dianggap sebagai “bapak” bagi seluruh penduduk kampung (Koentjaraningrat 1984:198).

Istilah “bapak” mendedahkan kehadiran ideologi “kawulo-gusti” atau “penaung-dinaung” yang melegitimasi dan berusaha mewujudkan kawalan negara (tatanan penyelenggaraan pemerintahan) yang mengkeramatkan raja atau pemimpin (Kuntowijoyo 1987:6). Konsep “penaung-dinaung” ala masyarakat Jawa tersebut kemudian menjadi latar belakang bagi kajian ini untuk meneroka secara lebih mendalam bagaimana mistik Jawa dapat mempengaruhi cara pandang ketua kampung mengenai kepemimpinan dalam politik. Objek kajian ini adalah para ketua kampung pada beberapa kampung di Kabupaten Lampung Timur, Provinsi Lampung, Indonesia. Mereka pula merupakan penganut dan pengamal mistik Jawa (baca: kejawen) yang taat dan rajin.

## KEPERCAYAAN KEJAWEN DAN KEPIMPINAN POLITIK MASYARAKAT JAWA

Prinsip utama pranata Jawa dapat diambil intinya menjadi tiga prinsip utama, iaitu *sangkan paraning dumadi* (manusia memiliki pencipta yang menjadi satu-satunya sebab utama), *manunggaling kawulo lan Gusti* (realiti tertinggi sikap keberagaman manusia Jawa yakni saat manusia mampu menginternalisasi secara inheren mengenai keesaan tuhan), dan *memayu hayuning bawana* (sifat kekuasaan adalah memberikan kedamaian dan kemaslahatan semesta yang dapat dirasakan oleh semua entiti di bawah sesebuah kekuasaan).

Gabungan ideal ketiga prinsip asas tersebut dalam kaitannya dengan konteks politik dapat diturunkan pada prinsip-prinsip kekuasaan Jawa iaitu: Pertama, kekuasaan adalah konkrit. Dalam khazanah kekuasaan Jawa, kekuasaan adalah tidak sekadar postulat teori sains. Ia merupakan realiti kewujudan yang esensif. Maka, Sang Khaliq berperan sebagai pemilik dan pengatur semua sistem yang membuatnya wujud. Kedua, kekuasaan adalah homogen. Disebabkan kekuasaan berpunca daripada Tuhan maka, cara untuk mendapatkannya pun memiliki alur konvensional semula jadi di mana setiap manusia yang hendak atau telah meraihnya akan melalui proses yang selari. Ketiga, kekuasaan adalah konstan. Pandangan politik Jawa memahami bahawa kekuasaan yang secara semula jadi telah wujud bahkan sebelum manusia muncul ke dunia merupakan sesuatu yang jumlahnya tidak bertambah dan juga tidak berkurang. Sifat ini bermula daripada persepsi kekuasaan sebagai realiti eksistensial yang esensif di mana asal mulanya adalah berasal daripada Tuhan. Keempat, kekuasaan memiliki legaliti absolut. Disebabkan oleh kekuasaan yang konkrit, homogen, dan konstan serta berpunca dari Sang Pemilik Hidup maka tidak penting sama ada wujud atau tidak kesan moral daripada kekuasaan tersebut (Benedict Anderson 1990).

Konsepsi selanjutnya adalah prinsip-prinsip kepimpinan Jawa sebagai turunan dari prinsip-prinsip kekuasaan Jawa yang berpaksikan pada inti pati karakteristik mistik Jawa. Prinsip-prinsip atau sifat-sifat khas kepimpinan tersebut meliputi: Pertama, sifat *suryo* (matahari). Sifat ini menuntut pemimpin mampu memberikan energi, semangat secara berterusan kepada pengikutnya sebagai manifestasi kemestian untuk dapat memberikan pengayoman dalam damai dan kesejahteraan sebagaimana prinsip *memayu hayuning bawana*. Kedua, sifat

*condro* (bulan). Seorang pemimpin mesti memiliki kapasitas untuk dapat memberikan kebahagiaan bagi pengikutnya. Pada sudut pandang transenden, relevansi sifat ini adalah pada dogma agama. Ketika seseorang beragama maka, wujud keseimbangan hubungan horisontal (sesama manusia) dan hubungan vertikal dengan tuhan.


Ketiga, sifat *kartiko* (bintang). Analogi sifat ini adalah pada bintang yang berhubung-kait pada rasi-rasi sebagai penanda arah. Pemimpin mesti menjadi panutan, tauladan, dan rujukan perilaku hidup bagi semua pengikutnya. Pemimpin mesti menanamkan sikap-sikap moral Ketuhanan dalam penyelenggaraan kepimpinannya. Keempat sifat *samirono* (angin). Sebuah kepemimpinan mesti dapat dirasakan kesan kemaslahatannya kepada seluruh rakyat tanpa mengira kaum, agama, umur dan jantina. Kelima, sifat *akoso* (angkasa). Seorang pemimpin mesti berwibawa dan melakukan tindakan bermanfaat bagi masyarakat yang dinaungi.

Keenam, *gegana* (api). Seorang pemimpin mesti tegas dan berani bersikap tanpa segan silu dalam menegakkan sistem aturan demi menjamin ketertiban pranata masyarakat. Ketujuh, *samudro* (samudera). Pemimpin yang baik mesti memiliki ‘elan visioner’, iaitu pandangan luas ke depan dan mampu menampung keluhan-keluhan pengikutnya. Seorang pemimpin mesti memiliki tahap-tahap pelan strategis untuk merumuskan visi kepimpinannya.

Sifat yang terakhir: Kelapan, *siti* (bumi). Dalam erti pemimpin mesti *andhap ashor*, *anoraga*, atau rendah hati, jujur, serta proporsional dan menghargai setiap prestasi kerja pengikutnya dengan berupa pemberian anugerah (*reward*).

Karl D. Jackson (1978) mengungkapkan bahawa kehidupan sosial di Jawa di dominasi oleh suatu sistem yang relatif autonom. Ianya dicirikan pengelompokan peribadi yang tinggi dan terikat bersama oleh tanggung jawab individu. Semua itu ditentukan antara penaung dan dinaung. Masing-masing kumpulan atau lingkaran terdiri daripada seperangkat *dydict*, temu duga, tidak sederajat, tetapi mempunyai kewajiban berbalasan antara pemimpin dan pengikut. Persekitaran itu secara sosial cenderung majmuk dalam hal “kaya”, “miskin”, terdidik, dan buta huruf.

Kajian ini menumpukan pada bagaimana mistik Jawa memberikan pengaruh kepada para ketua kampung penganut ajaran tersebut mengenai pandangan mereka dalam melihat kepemimpinan dalam politik. Kepimpinan dalam politik tersebut meliputi nilai-nilai mistik Jawa yang diambil kira dan bagaimana bentuk amalan nilai tersebut dalam hal kerangka berfikir dalam memandang sesebuah objek. Ianya juga bermanfaat untuk mengetahui hubung-kait teori kepemimpinan Jawa tersebut dilihat dari perspektif Weber (1964: 358-381), sepertimana dihuraikan dalam carta di bawah ini:



CARTA 1. Kerangka Kekuasaan Kejawen

## KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan pendekatan falsafah politik. Kajian kualitatif melakukan kajian pada latar belakang semula jadi atau pada konteks daripada suatu keutuhan (*entity*). Hal ini dilakukan kerana ontologi ilmiah menghendaki kewujudan realiti-realiti sebagai sebuah keutuhan yang tidak dapat difahami jika diasingkan daripada konteksnya.

Ianya berasaskan andaian : (1) tindakan pengamatan mempengaruhi apa yang dilihat. Oleh kerananya hubungan kajian mesti mengambil tempat pada keutuhan-dalam-konteks untuk keperluan pemahaman; (2) konteks sangat menentukan dalam menetapkan sama ada suatu penemuan mempunyai erti bagi konteks lainnya, yang bererti bahawa suatu fenomena mesti dikaji dalam keseluruhan pengaruh dapatan kajian di lapangan; dan (3) sesetengah struktur nilai kontekstual bersifat determinatif terhadap apa yang akan dicari.

Kajian ini dilakukan di kampung-kampung yang berada di bawah Kecamatan Batanghari, Kabupaten Lampung Timur dengan jumlah kampung sebanyak 16 buah. Selain itu, di persekitaran geografis tersebut yang merupakan wilayah pertanian dan di dominasi oleh keturunan suku Jawa yang masih mengadopsi budaya dan mistik Jawa. Ianya menjadi alasan utama menjadikannya sebagai wilayah kajian. Pada aras tersebut kajian ini hendak mengetahui bagaimana pandangan para ketua kampung penganut mistik Jawa terhadap kepimpinan dalam politik.

Dalam kajian ini yang di maksud informan adalah para ketua kampung di persekitaran Kecamatan Batanghari. Mereka dipilih berasaskan maklumat bahawa ketua kampung tersebut merupakan penganut mistik Jawa. Berasaskan temu bual terhadap para informan disusun pengumpulan data yang disokong oleh dokumentasi (berupa tulisan atau film) dan observasi (merinci segala peristiwa yang berlaku).

## PENGARUH MISTIK JAWA KE ATAS KEPIMPINAN POLITIK KETUA KAMPUNG

Kajian ini telah menemu bual empat ketua kampung yang menggunakan mistik Jawa dalam kepimpinan mereka. Keempat-empatnya adalah Ketua kampung Rejoagung bernama Bapak Mardiono, Bapak Sukiman Ketua kampung Batangharjo, Bapak Turut Ketua kampung Sumberrejo, dan Bapak

Sutopo Giri Puspito Ketua kampung Banjarrejo. Penyelidik menggunakan lima angkubah yang dibagi ke dalam soalan-soalan untuk temu bual secara mendalam kepada keempat-empat informan. Kelima-lima angkubah tersebut adalah *Kultur Jawa di Luar "Tanah Jawa"*, *Pemaknaan Mistik Jawa*, *Kepimpinan Komuniti Jawa*, *Pemahaman Konstruksi Kepolitikkan Kampung*; dan *Mistik Jawa dan Kepimpinan dalam Politik*.

Apabila membincangkan *Kultur Jawa di Luar "Tanah Jawa"* keempat-empat informan pada umumnya bersetuju dalam beberapa hal namun tidak sependapat dalam item yang lain. Keempat-empatnya mengakui bahawa budaya Jawa yang mereka terima berasal dari *titen* atau kisah-kisah yang diturunkan nenek moyang secara lisan. Mereka juga mengakui bahawa riwayat-riwayat tersebut bersifat sinkretik perpaduan Hindu, Buddha dan Islam. Mengenai kultur Jawa apa yang dianggap baik keempat-empatnya bersetuju menyebut "perkhidmatan terhadap masyarakat" sebagai ajaran hidup terbaik yang pernah diajarkan tamadun bangsa Jawa. Selain itu budaya Jawa yang dianggap mereka masih penting dilestarikan adalah *petungan* atau penentuan saat-saat hari yang cocok untuk menunaikan sesuatu, *andhap asor* atau menghargai sesama, dan *piwulang* atau nasihat hidup.

Di antara keempat-empat informan, hanya Bapak Sukiman yang secara tegas menyatakan bahawa tidak semua ritual budaya Jawa layak dipertahankan. Beliau menyatakan tidak lebih dari 50% ajaran Jawa pra-Islam yang boleh diamalkan sebab majoriti amalan dalam budaya Jawa tidak sesuai ajaran agama Islam. Sekalipun demikian anehnya Pak Sukiman juga masih meyakini mitos dalam budaya Jawa seperti halnya ketiga-tiga rakannya. Malahan, beliau juga malah masih menggunakan dongeng-dongeng dan nilai luhur yang tidak bertentangan sebagai pedoman hidup. Sementara Bapak Sutopo justeru berbanding terbalik dengan Bapak Sukiman. Ia masih mengamalkan 100% ajaran sinkretisme Jawa termasuk mempercayai mitos dan penggunaan mistik Jawa untuk kehidupan sehari-hari. Mengenai kewujudan budaya Jawa di luar "tanah Jawa" keempat-empatnya bersetuju telah berlaku perbezaan yang signifikan kerana faktor persekitaran dan perbezaan wilayah serta pola penerimaan masyarakat terhadap budaya tersebut.

Keempat-empat informan memaknai mistik Jawa sebagai nasihat hidup yang bersifat ritual dan pedoman kehidupan sehari-hari. Mereka juga bersetuju bahawa mistik Jawa adalah sinkretisme

antara ajaran Jawa Kuno, Hindu, Buddha, Islam dan Katolik. Sinkretisme tersebut melahirkan kepercayaan terhadap hal-hal di luar akal sehat/tidak logik. Mereka juga bersetuju bahawa pengaruh Islam adalah yang paling besar di antara lima agama/kepercayaan tersebut. Hal ini disebabkan pihak keraton sama ada keraton Solo mahupun keraton Jogja yang memperkenalkan faham itu pertama kali merupakan penganut agama Islam sekurang-kurangnya secara nominal. Pak Turut mengatakan bahawa mistik Jawa dan kebudayaannya merupakan sesuatu yang tidak boleh diasingkan. Ia menyayangkan ramai orang hanya mengamalkan salah satunya sahaja. Para penggemar mistik hanya mengamalkan sisi mistiknya sahaja dan mengetepikan sisi budayanya. Sebaliknya para budayawan hanya menjadikan budaya sebagai pajangan dan membuang sisi mistiknya. Dibandingkan dengan ketiga informan lain yang tidak terlalu meyakini mistik Jawa, Pak Turut percaya bahawa mistik Jawa membawa kebaikan moraliti yang berkebolehan untuk diamalkan. Beliau percaya bahawa mistik Jawa dapat dilaksanakan secara positif dalam kehidupan sehari-hari. Pengamalan mistik Jawa yang baik bukan hanya untuk melestarikan budaya Jawa secara kutural namun juga dapat bermanfaat bagi pelaksanaan amalan pemerintahan yang baik. Secara tegas Pak Turut menghapus sisi klenik/magis dalam pemanfaatan mistik Jawa bagi kemaslahatan masyarakat.

Dalam angkubah *Kepimpinan Komuniti Jawa*, keempat-empat informan memiliki jawaban dan hujahan berbeza saat menjawab pelbagai soalan. Dua daripada empat informan menyatakan bahawa mereka mencalonkan diri sebagai ketua kampung disebabkan oleh sokongan masyarakat. Manakala, dua informan lainnya mengatakan bahawa pencalonan mereka dilatarbelakangi keinginan untuk memajukan kampung. Keempat-empatnya bersetuju bahawa fungsi ketua kampung adalah sebagai perangkat paling bawah dalam hierarki pemerintahan Republik Indonesia. Menurut mereka seorang ketua kampung mesti mampu menjadi penghubung antara kerajaan pusat, negeri dan bandar di satu pihak dengan masyarakat di kampungnya.

Sebagai orang Jawa yang masih memegang teguh adat resam keempat-empatnya juga terpengaruh norma-norma pemimpin ideal menurut budaya Jawa. Menurut mereka pemimpin yang baik mesti mampu menjadi *gatra* (pengayom) dan

melayani masyarakat. Pak Turut menambahkan bahawa seorang pemimpin mesti seseorang yang *guyub* (akrab) dengan masyarakat dan persekitarannya. Ia mesti peka dalam menerima dan menyelesaikan segala persoalan yang berlaku di dalam masyarakatnya. Di antara keempat-empat informan hanya Pak Sutopo yang tidak mengetahui mengenai sejauh mana mistik Jawa memiliki kaitan dengan nilai-nilai kepimpinan. Sementara ketiga informan lainnya amat bersetuju apabila mistik Jawa dan norma-norma budaya Jawa menjadi pedoman seorang pemimpin. Pada prinsipnya mereka menekankan karisma dan sifat amanah seorang pemimpin sebagai wujud amanat budaya dan mistik Jawa yang adiluhung dan selalu mengikuti perkembangan zaman.

*Pemahaman Konstruksi Kepolitikan Kampung* memunculkan jawaban yang hampir selari daripada keempat-empat informan. Ketika berjaya memenangi pemilihan ketua kampung, mereka memiliki alasan selari dalam proses menuju kejayaan tersebut. Mereka menekankan pada keyakinan dan kepercayaan diri sebagai paksi utama untuk mencapai kejayaan merebut kekuasaan politik. Manakala, sokongan merupakan modal penentu dalam memenangi sesebuah pertandingan politik di masa moden seperti setakat ini. Kumpulan penyokong yang kuat, mempunyai strategi dan pengurusan pemenangan yang baik serta memiliki pengetahuan mengenai konstelasi politik tempatan merupakan modal besar menuju kemenangan pemilihan ketua kampung.

Apabila menjawab bagaimana hubungan mereka dengan calon lain selepas pemilihan ketua kampung, dua informan menyatakan bahawa hubungan mereka dengan calon lain tidak ada masalah. Salah seorang responden Pak Sukiman mengakui bahawa kemenangannya tidak disukai oleh lawan-lawannya walaupun beliau sudah berusaha untuk menjalin komunikasi yang baik dengan mereka. Seorang informan Pak Sutopo menolak menghuraikan bagaimana hubungannya dengan calon lain selepas kemenangannya sebagai ketua kampung. Di antara empat informan hanya Pak Mardiono yang secara terbuka mengakui bahawa beliau menggunakan amalan-amalan ritual tertentu untuk menjayakan kemenangan merebut jawatan sebagai ketua kampung. Manakala ketiga-tiga informan lainnya menjawabnya secara implisit seperti *sungkem* kepada orang tua atau meminta petunjuk dan nasihat sesepuh kampung sebagai bentuk lain amalan ritual ala kejawan.

Ketiga-tiga informan bersetuju bahawa kepimpinan politik dalam mistik Jawa diarahkan pada pencapaian kekuasaan. Manakala Pak Sutopo menolak apabila politik menurut budaya Jawa hanya diarahkan guna meraih kekuasaan semata. Akan tetapi dalam angkubah *Mistik Jawa dan Kepimpinan Dalam Politik* keempat-empatnya memiliki kesamaan persepsi bahawa kekuasaan yang didapat merupakan peluang untuk menaungi, menyejahterakan dan memberikan perkhidmatan kepada masyarakat sesuai dengan keyakinan mereka terhadap mistik dan budaya Jawa.

Pak Sukiman menambahkan bahawa kekacauan pada sistem politik yang berlaku setakat ini di Indonesia adalah disebabkan oleh kesalahan sistemik. Beliau menolak kewujudan banyak parti sehingga mengakibatkan sistem politik tidak stabil. Pak Sukiman mengusulkan parti politik dihadkan kewujudannya. Manakala Pak Sutopo juga menambahkan bahawa ia menolak desentralisasi pasca reformasi. Beliau merasa Indonesia lebih cocok menggunakan sistem sentralisasi sepertimana yang diamalkan oleh Orde Baru. Berhubung-kait dengan amalan klenik/bomoh dalam persaingan politik, ketiga-tiga informan menyatakan setuju terhadap hal itu bahkan menyebutnya sebagai kewajaran dan demi strategi politik sahaja. Bahkan Pak Turut menambahkan penggunaan mistik dalam persaingan politik merupakan alat untuk menambah keberanian dan kepercayaan diri. Manakala, Pak Sutopo menolak menjawab soalan tersebut dan lebih mengarahkan jawapan kepada hal-hal normatif.

## PENUTUP

Kajian ini mendapati beberapa sumbangan dan kesimpulan. Pertama, amalan mistik Jawa yang masih tersisa hingga setakat ini adalah; *petungan*, *slametan* dan adu kuasa magis dalam merebut jawatan politik di peringkat kampung sepertimana yang pernah dilakukan oleh semua ketua kampung/responden.

Kedua, fahaman falsafah Jawa sebagai teras mistik Jawa hanya dimiliki oleh peribadi yang relatif berhampiran dengan tradisi santri, misalnya adalah Ketua kampung Rejoagung. Ianya bermakna santri dalam khazanah klasik masyarakat Jawa adalah golongan yang moderat terhadap budaya (mistik).

Ketiga, setiap-tiap ketua kampung dalam kajian ini mempunyai perbezaan titik tekan mengenai bagaimana sesebuah kepimpinan politik dilihat dari

sudut pandang mistik Jawa. Setiap-tiap informan memiliki perbezaan latar belakang pemahaman yang berbeza mengenai mistik Jawa sehingga berbeza pula dalam memandangkan kepimpinan dalam politik.

1. Ketua kampung Rejoagung 49 mengatakan mistik adalah *petungan*, pengaruhnya adalah bahawa pemimpin itu mesti memahami apa yang diinginkan oleh rakyatnya. Ianya disebabkan hakikat *petungan* adalah menyelaraskan gerak hidup kasat mata dengan sisi metafisik sehingga sifat kepimpinan yang merepresentasikan pandangan kepimpinan politik menurut ketua kampung Rejoagung 49 adalah *Condro* dan *Siti*. Seorang pemimpin politik juga mesti jujur (*Siti*) dan mampu membahagiakan pengikutnya (*Condro*).
2. Ketua kampung 41 Batangharjo, menyatakan bahawa mistik adalah kuasa metafisik yang disimbolkan oleh adanya individu *bomoh*. Bomoh adalah pemberi sokongan dan pemberi sokongan spiritual. Oleh itu, sifat yang dihasilkan adalah kepimpinan yang tegas dan berwibawa. Manakala keyakinan diri timbul kerana peran dan sokongan para bomoh. Kepimpinan dalam politik pula mesti berjaya menunjukkan autoriti rasmi yang tegas (*Akoso*) dalam pengkonsolidasian kuasa dan potensi bersama serta memerintah rakyat secara berwibawa (*Gegana*).
3. Ketua kampung 43 Sumberrejo lebih berhampiran dengan pengertian mistik sebagai sistem nilai yang luhur dan baik. Oleh itu, pemimpin politik mesti dapat memberikan dorongan dan sokongan kepada pengikutnya serta dapat dirasakan efektif kepimpinannya. Kepimpinan politik dapat memberikan semangat pencerahan kepada pengikutnya sesuai dengan sifat matahari (*Suryo*) dan memberikan kesan kebermanfaatn bagi seluruh pengikutnya (*Samirono*).
4. Ketua kampung 38 Banjarrejo lebih memahami mistik Jawa sebagai kepercayaan kewujudan kuasa *danyang* sebagai penguasa alam ghaib tempatan. *Danyang* tersebut yang mesti terus dijaga hubungannya dengan memberi “perkhidmatan-perkhidmatan” semacam pemberian sesaji berupa makanan, bebungaan, kemenyan dan lain-lain. Kesedaran terhadap kehadiran kuasa supernatural dalam kehidupan sehari-hari mempengaruhi cara pandang mengenai kepimpinan dalam politik oleh ketua kampung 38 Banjarrejo. Beliau berhujah

bahawa kepemimpinan dalam politik mesti dapat memberi arahan (*Kertiko*) dan visi bagi masa hadapan dengan matlamat untuk kebaikan semua unsur yang wujud di dalam masyarakat (*Samudro*).

Keempat, bagaimanapun budaya Jawa banyak mengalami pengurangan dalam pelestariannya, namun dengan karakteristik *ideology of gentle hints* (ideologi perintah halus) masyarakat Jawa yang termasuk juga para ketua kampung sebagai informan kajian ini, masih dapat merasakan kebermanfaatannya dan kepentingan untuk terus mengamalkan mistik Jawa meski tidak secara keseluruhan.

Kelima, kepemimpinan kultural dalam masyarakat Indonesia secara am sebagai pelestari karakteristik kearifan tempatan (*local wisdom*) tidak hanya difahami namun juga diamalkan.

Keenam, bagi para sarjana lain yang mahu menyelidiki kajian yang selari dengan kajian ini, sebaiknya menganalisis bagaimana mistik Jawa memberikan pengaruh dalam pelaksanaan pemerintahan pada aras kampung.

## RUJUKAN

- Anderson, B. R. 1990. *Language and Power Exploring Political Cultures in Indonesia*. Ithaca, New York: Cornell University Press
- Jackson, K. D. 1978. *Political Power and Communications in Indonesian*. Berkeley: University of California Press.
- Koentjaraningrat. 1984. *Kebudayaan Jawa*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Kuntowijoyo. 1987. *Budaya dan Masyarakat*. Yogyakarta: Tiara Wacana.
- Mulder, N. 2005. *Mysticism in Java: Ideology in Indonesia*. Yogyakarta: Kanisius.
- Soetardjo Kartohadikoesoemo. 1965. *Kampung*. Bandung: Penerbitan Sumur Bandung.
- Subidjo, terj. 1980. *Babad Tanah Jawi*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Suwardi Endraswara, sunt. 2003. *Mistik Kejawaen: Sinkretisme, Simbolisme dan Sufisme dalam Budaya Spiritual Jawa*. Yogyakarta: NARASI.
- Weber, M. 1964. *The Theory of Social and Economic Organization*. New York: The Free Press.

*Eko Maristiyawan, S.IP*  
*Mahasiswa Magister Ilmu Pemerintahan*  
*Program Pascasarjana*  
*FISIP-Universitas Lampung*  
*Jl. Sri Sumantri Brojonegoro No. 1*  
*Gedung Meneng, Bandar Lampung*  
*35145 Indonesia*  
E-mail: bagelen05@gmail.com

*Dr. Muhammad Harya Ramdhoni*  
*Ph.D [UKM]*  
*Pensyarah Kanan*  
*Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*  
*Universitas Lampung*  
*Jl. Sri Sumantri Brojonegoro No. 1*  
*Gedung Meneng, Bandar Lampung*  
*35145 Indonesia*  
E-mail: kuttonegoro@gmail.com

*Prof Madya Dr. Nidzam Sulaiman*  
*Professor Madya & Senior Fello*  
*Institute of Ethnic Studies, KITA,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia,*  
*43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*  
E-mail: nizamm01@hotmail.com

*Drs. Hertanto, M.Si*  
*Calon Doktor Falsafah Sains Politik*  
*PPSPS FSSK UKM & Pensyarah Kanan*  
*Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*  
*Universitas Lampung*  
*Jl. Sri Sumantri Brojonegoro No. 1*  
*Gedung Meneng, Bandar Lampung*  
*35145 Indonesia*  
E-mail: hertanto.lpg@gmail.com

## LAMPIRAN BIODATA PEMBERI MAKLUMAT

- a. Ketua kampung Rejoagung  
Ketua kampung Rejoagung bernama Mardiono. Beliau terpilih sebagai ketua kampung Rejoagung pada 22 Mac 2003. Pada pemilihan ketua kampung tersebut diikuti oleh dua orang calon sahaja, yakni Pak Mardiono dan seorang calon lain yang berjaya ditewaskan oleh beliau iaitu Munginsidi. Pak Mardiono, lahir di kampung Kerten, kecamatan Delanggu, Kabupaten Klaten, Jawa Tengah, pada 12 April 1957. Beliau merupakan tokoh yang telah lama bermastautin di kampung Rejoagung, isterinya Ibu Sri Lestari dan empat orang anak. Sebagai warga kampung yang lahir tidak di daerah transmigrasi, Pak Mardiono memang pekat dengan esensi kultur Jawa. Hal itu jelas kelihatan pada jawapan-jawapan semasa proses temu bual berlaku. Sebelum memegang jawatan ketua kampung, Pak Mardiono berkerjaya sebagai petani, selain itu juga berdagang dan jual-beli haiwan ternak; lembu dan kerbau. Mental sebagai orang Jawa yang tekun dan memulai segala sesuatu dari bawah begitu tertanam di dalam diri Pak Mardiono. Menamatkan pendidikan terakhir Sekolah Menengah Pertama pada tahun 1999, Pak Mardiono pun mengikuti Pelatihan Pembinaan Kesatuan Bangsa bagi Ketua kampung tahun 2003.
- b. Ketua kampung Batangharjo  
Bapak Sukiman menerima kepimpinan kampung Batangharjo pada 12 Jun tahun 1999. Pada Disember 2007 lalu beliau telah masa kepimpinannya dan cuba bertanding semula dalam pemilihan ketua kampung namun ditewaskan oleh pesaingnya. Pak Sukiman merupakan anak transmigran yang lahir di kampung Batangharjo pada 10 Mei 1963. Ia memiliki leluhur yang berasal dari daerah Sragen, Solo, Jawa Tengah yang merupakan generasi awal pembuka kampung Batangharjo. Hingga setakat ini, Pak Sukiman masih berbisnis penternakan ikan keli yang telah dirintis beliau sejak beberapa tahun silam.
- c. Ketua kampung Sumberrejo  
Ketua kampung Sumberrejo merupakan ketua kampung termuda di antara keempat-empat informan dalam kajian ini. Nama beliau adalah Pak Turut yang lahir pada 6 April 1968 di kampung Sumberrejo. Pak Turut berjaya menamatkan pendidikan sarjana muda pada tahun 1995. Beliau telah pun dua kali memenangkan pemilihan ketua kampung dan dinilai masyarakatnya sebagai pemimpin yang berjaya memenuhi janji-janjinya semasa kempen pilihan ketua kampung dengan berkhidmat secara baik dan telus.
- d. Ketua kampung Banjarrejo  
Ketua kampung Banjarrejo bernama lengkap Sutopo Giri Puspito, namun lebih sering dikenali dengan nama SG. Puspito. Beliau adalah tokoh masyarakat yang tidak hanya dikenal luas di dalam kalangan masyarakat Banjarrejo semata, namun juga dikenali di kecamatan Batanghari, bahkan Kabupaten Lampung Timur. Pak SG Puspito juga dikenali sebagai tokoh yang memahami dan masih melestarikan budaya Jawa. Beliau menekuni pekerjaan sebagai wiraswasta sebelum memegang jawatan sebagai

ketua kampung. Pak Puspito menamatkan pendidikan sarjana muda Sains Pemerintahan dari Sekolah Tinggi Ilmu Sosial dan Ilmu Politik (STISIPOL) Dharma Wacana Kota Metro.